

# Jabatan Bendahari UMS jadi contoh universiti awam

NST 13.1.2015 //

KOTA KINABALU: Penggunaan kad kredit korporat universiti dan sistem i-Claim yang diguna pakai Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi contoh kepada universiti-universiti awam di Malaysia.

Ia terbukti apabila baru-baru ini Jabatan Bendahari UMS telah dikunjungi Pejabat Bendahari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), untuk melihat dan mempelajari sendiri beberapa perkara berkaitan pengurusan kewangan UMS.

**SUMBANGAN ZAKAT ...**  
Ahli Parlimen Papar, Datuk Hajah Rosnah Haji Abdul Rashid Shirlin yang juga Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia menyampaikan sumbangan zakat dari Pusat Zakat Negeri Sabah kepada seramai 23 ketua keluarga yang terlibat kebakaran rumah di Kampung Pituru, Sabindo, Kinarut tahun lalu.

Satu majlis ringkas diadakan di Pejabat Perhubungan Parlimen Papar untuk mereka yang terlibat pagi Ahad. Turut hadir sama Pegawai Zakat Sabah dan Pegawai Jheains Papar.

Gambar kiri (atas)

Delegasi seramai enam orang yang diketuai Bendahari UniSZA, Ariza Ibrahim telah berpeluang mendengar taklimat berkenaan pengurusan kewangan yang disampaikan Timbalan Bendahari Kanan Jabatan Bendahari UMS, Saima Ismail.

Menurut Ariza, UMS dipilih kerana UMS adalah antara universiti yang telah menggunakan kad kredit korporat secara menyeluruh di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagai mekanisme untuk tujuan pembelian tiket penerbangan



LAWATAN ... Rombongan UNISZA sempat melawat Muzium UMS.

dan tempahan hotel.

“Penggunaan kaedah ini dilihat jauh lebih murah berbanding menggunakan waran,” katanya.

Jabatan Bendahari UMS

menggunakan sistem i-Claim sejak Jun 2014 untuk memudahkan kakitangan UMS membuat tuntutan perjalanan secara cepat dan tepat.

I-Claim juga sekaligus

menyokong konsep EcoCampus apabila kaedah tersebut dianggap mampu mengurangkan penggunaan kertas sebagai salah satu langkah penjimatkan universiti.



Rosnah menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima manakala gambar

kanan pula Rosnah bersama para penerima zakat, pegawai zakat dan Jheains Papar.